

**CONTRIBUTIONS OF THE HADITH COMMENTATORS TO THE HADITHS OF
TAFSIR IN ṢAḤĪḤ MUSLIM**

**SUMBANGAN PARA SHURRĀḤ AL-ḤADĪTH TERHADAP HADITH-HADITH
TAFSIR DALAM ṢAḤĪḤ MUSLIM**

Helimy Arisⁱ, Muhammad Zulkifli Nor Azibⁱⁱ & Amran Abdul Halimⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. helimy@usim.edu.my

ⁱⁱ Calon Sarjana, Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. mzulkiflina@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. amranabdulhalim@usim.edu.my

Received: 28 June 2024

Article Progress
Revised: 24 July 2024

Accepted: 26 August 2024

Abstract	<p><i>This study aims to present the contributions of hadith scholars, particularly the commentators on hadith (shurrāḥ al-ḥadīth), to the interpretation-themed hadiths in Ṣaḥīḥ Muslim. Writings on this topic are rarely done by Malay-speaking hadith researchers. Furthermore, the number of hadiths in the Kitab al-Tafsīr of Ṣaḥīḥ Muslim does not exceed 20, which might lead some to think that he placed less emphasis on interpretation-themed hadiths. Therefore, this study seeks to prove that the interpretation-themed hadiths in Ṣaḥīḥ Muslim are not fewer in number when compared to other primary hadith sources such as Ṣaḥīḥ al-Bukhāri and Sunan al-Tirmidhī. The author has used a library research approach to detail the contributions of hadith scholars to the interpretation-themed hadiths in Ṣaḥīḥ Muslim. The findings of the study show that the interpretation-themed hadiths in Ṣaḥīḥ Muslim are not only limited to the hadiths found in the Kitab al-Tafsīr. Additionally, the interpretation-themed hadiths in Ṣaḥīḥ Muslim encompass forty-seven percent of all the surahs found in the Quran.</i></p> <p>Keywords: <i>Kitab al-Tafsīr, Thematic Hadith, Methodology, Imam Muslim, Commentaries on Ṣaḥīḥ Muslim.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini bertujuan mempersembahkan sumbangan para sarjana hadith khususnya golongan shurrāḥ al-ḥadīth terhadap hadith-hadith bertemakan tafsir dalam Ṣaḥīḥ Muslim. Tulisan mengenai topik ini jarang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji hadith berbahasa Melayu. Tambahan pula jumlah hadith dalam Kitab al-Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim tidak melebihi angka 20 yang menyebabkan mungkin sebahagian pihak beranggapan beliau kurang mentikberatkan hadith-hadith bertemakan tafsir. Justeru, kajian ini berusaha membuktikan hadith-hadith bertemakan tafsir dalam Ṣaḥīḥ Muslim tidak kurang banyak jika dibandingkan dengan sumber-sumber utama hadith yang lain seperti Ṣaḥīḥ al-Bukhāri dan Sunan al-Tirmidhī. Penulis telah menggunakan pendekatan kajian perpustakaan bagi tujuan memprincikan</i></p>

	<p>bentuk sumbangan ahli hadith terhadap hadith-hadith bertemakan tafsir dalam <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>. Dapatan kajian menunjukkan hadith-hadith bertemakan tafsir dalam <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i> tidak hanya terhadap kepada hadith-hadith yang terdapat dalam <i>Kitab al-Tafsīr</i> sahaja. Selain itu, hadith-hadith bertemakan tafsir al-Quran dalam <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i> merangkumi sebanyak empat puluh tujuh peratus daripada keseluruhan surah-surah yang terdapat dalam al-Quran.</p> <p>Kata kunci: <i>Kitab al-Tafsīr</i>, <i>Hadith Tematik</i>, <i>Metodologi</i>, <i>Imam Muslim</i>, <i>Shurūḥ Ṣaḥīḥ Muslim</i>.</p>
--	--

PENDAHULUAN

Ṣaḥīḥ Muslim merupakan sumber hadith ṣaḥīḥ kedua paling tepat selepas *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri* dan salah satu daripada *al-Kutub al-Sittah* (enam sumber utama hadith paling masyhur dan dirujuk) iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Ḍāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah*. Sebagaimana halnya *al-Jāmi'* (iaitu sumber utama hadith yang menghimpunkan hadith-hadith daripada pelbagai tema), *Ṣaḥīḥ Muslim* menghimpunkan hadith-hadith dengan sanad penulis sendiri daripada pelbagai tema Ilmu Islam. Antara tema yang menjadi tumpuan penulis *al-Jāmi'* ialah al-Quran al-Karim dan yang berkaitan dengannya seperti hadith-hadith tafsir, *sabab al-Nuzūl*, kelebihan memelihara al-Quran melalui pembacaan, hafalan dan penghayatan.

Lazimnya, tema dalam *kitab al-Jāmi'* dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu kitab dan bab. Antara sebab mengapa pengarang kitab hadith menyusunnya berdasarkan kitab dan bab adalah bagi memudahkan pengkaji dan menaikkan semangat para penuntut ilmu hadith dalam menekuni hadith-hadith Nabi S.A.W.¹

Penjudulan Kitab dan Bab dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*

Tidak seperti Imam al-Bukhāri, Imam Muslim tidak membahagikan hadith-hadith dalam *al-Ṣaḥīḥ* mengikut bab tertentu. Beliau hanya membahagikannya kepada kitab-kitab yang lebih umum seperti *al-Īmān*, *al-Ṣalāh* dan sebagainya. Terdapat sebanyak 54 kitab dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* dan ia bermula dengan *Kitab al-Īmān* dan berakhir dengan *Kitab al-Tafsīr*. Setiap kitab diberi judul tertentu dan mengandungi hadith-hadith yang bertemakan judul tersebut. Sebagai contoh, hadith bertemakan solat diletak dalam *Kitab al-Ṣalāh*, hadith yang bertemakan zakat diletak dalam *Kitab al-Zakāh* dan begitulah seterusnya.

Menurut Ibn al-Ṣalāh,² semua hadith-hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* telah disusun mengikut bab tetapi Imam Muslim tidak menyatakannya secara bertulis bagi mengelakkan karyanya itu menjadi lebih tebal disebabkan judul-judul bab atau beliau mengelak daripada menyebut judul setiap bab dengan sebab-sebab tertentu. Alasan untuk mengelak daripada karya menjadi lebih tebal disebabkan judul bab mungkin dilihat kurang tepat. Hal ini disebabkan judul bab ternyata tidak akan menyebabkan sesebuah karya khususnya semisal *Ṣaḥīḥ Muslim* menjadi lebih tebal berbanding asal jika ia dimasukkan sekalipun³. Lazimnya judul bab adalah *istinbāṭ* hukum dan makna yang sebahagiannya terdedah kepada perbincangan dan perselisihan antara sarjana fiqh. Justeru, *tarjamat al-bāb* (penjudulan bab) memerlukan kemahiran memahami hadith yang tinggi dan waktu yang tidak sedikit. Ulasan al-Nawāwī dan kritikan sebahagian pengkaji hadith terhadap penjudulan yang dilakukan oleh beliau adalah bukti jelas sukar untuk menentukan judul bab yang tepat bagi hadith-hadith dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. pada hemat penulis, mungkin hal tersebut antara sebab mengapa Imam Muslim tidak menyatakan judul bab setiap hadith secara khusus. Kenyataan Ibn Ṣalāh juga tidak menolak ada sebab lain mengapa tiada judul bab dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* selain yang dinyatakan sebelum ini.

¹ Al-Sunūsī, M. I. M. t.t. *Mukammil Ikmal al-Ikmal*. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1/48.

² Ibn al-Ṣalāh, A. ‘A. 1988. *Ṣiyānat Ṣaḥīḥ Muslim min al-Ikhlāl wa al-Ghalaṭ wa Ḥimāyatuhū min al-Isqāṭ wa al-Saqṭ*. Bayrut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 103. al-Naysābūri, M.-Ḥ. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 103.

³ Ṭawālibah, M.-R. (2000). *Al-Imām Muslim wa Manhajuhū fī Ṣaḥīḥih*. Ammān: Dār ‘Ammār, 106.

Menurut al-Nawāwī,⁴ ramai sarjana hadith selepas Muslim berusaha meletakkan tema yang sesuai bagi menunjukkan bab-bab hadith dalam *al-Ṣaḥīḥ*. Sebahagian mereka berhasil melakukannya dengan sebaiknya dan sebahagian yang lain pula adalah sebaliknya. Al-Nawāwī sendiri berusaha menjudulkan bab-bab hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* dalam syarah beliau yang masyhur iaitu *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj* dan kebanyakan cetakan *Ṣaḥīḥ Muslim* hari ini telah mengunapakai penjudulan al-Nawāwī.

Menurut Shabbīr al-‘Uthmānī,⁵ sehingga ke hari ini (merujuk kepada zaman beliau iaitu antara tahun 1887 hingga 1949) belum ada lagi penjudulan bab *Ṣaḥīḥ Muslim* yang mampu menterjemahkan maksud sebenar Imam Muslim di sebalik hadith-hadith dalam *al-Ṣaḥīḥ*. Menurut beliau, penjudulan al-Nawāwī sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh aliran mazhab fiqh yang tidak seharusnya dikaitkan dengan hadith Nabi s.a.w. Shabbīr al-‘Uthmānī sendiri telah berusaha meletakkan judul bab hadith-hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* dalam syarah beliau. Walau bagaimanapun, beliau telah meninggal dunia sebelum sempat menyempurnakan syarah tersebut.

Menurut al-Harārī⁶ pula, sebahagian daripada hadith-hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* tidak diletakkan sama sekali dalam mana-mana bab oleh golongan *shurrāḥ* (penghurai hadith) dan ia memerlukan penelitian semula terhadap maksud hadith dan kaitannya dengan judul kitāb yang ditetapkan oleh Imam Muslim bagi menentukan judul bab yang bersesuaian dengannya. Sebagai contoh, beberapa hadith dalam *Kitab Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim* tidak diberikan judul langsung oleh al-Nawāwī dan sebahagian *shurrāḥ* sebelumnya seperti al-Qādī ‘Iyād dan al-Māzīrī. Sebahagian *shurrāḥ* selepas beliau pula ada yang mengumpulkan kesemua hadith dalam *kitab Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim* di bawah satu bab sahaja dan sebahagian mereka ada yang membuat penambahan terhadap penjudulan al-Nawāwī.

Kenyataan al-Harārī mungkin bertepatan dengan realiti kebanyakan *kutub al-shurūḥ* (sumber bagi memahami makna hadith) *Ṣaḥīḥ Muslim* sebelum beliau. Walau bagaimanapun, sebahagian golongan *shurrāḥ* dan *mukhtaṣirūn* (golongan yang meringkaskan karya asal) sebelum al-Nawāwī atau sezamannya ada yang memberi judul bagi kesemua hadith-hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* seperti Abū al-‘Abbās al-Qurṭubī (meninggal tahun 656 H) dan ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhirī (meninggal tahun 656 H).

Sumbangan sarjana hadith terhadap *Ṣaḥīḥ Muslim*

Kutub al-shurūḥ mungkin boleh dimanfaatkan dalam meneliti tema-tema hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* khususnya yang berkaitan dengan Tafsir al-Quran. Dalam hal ini, Ḥājī Khalīfah⁷ telah menyenaraikan sebahagian daripada *shurūḥ Ṣaḥīḥ Muslim* seperti berikut:

Bil	Judul Buku	Pengarang
1.	<i>Al-Minhāj fi Sharḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj</i>	Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawāwī [W 676H]
2.	<i>Mukhtaṣar al-Minhāj</i>	Muḥammad Ibn Yūsuf al-Qunawī [W 788H]
3.	<i>Al-Ikmāl fi Sharḥ Muslim</i>	‘Iyādh Ibn Mūsā al-Yaḥṣubī [W 544H]
4.	<i>Al-Mu’lim bi Fawā’id Kitāb Muslim</i>	Muḥammad Ibn ‘Alī al-Māzīrī [W 536H]
5.	<i>Al-Mufhim li Mā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim</i>	Aḥmad Ibn ‘Umar al-Qurṭubī [W 656H]
6.	<i>Ikmāl Ikmāl al-Mu’lim</i>	Muḥammad Ibn Khalīfah al-Ubbī [W 827H]
7.	Tanpa judul	‘Imad al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn ‘Abd al-‘Alī al-Miṣrī [W 624H]
8.	<i>Al-Mufhim fi Sharḥ Gharīb Muslim</i>	‘Abd al-Ghāfir Ibn Ismā’īl al-Fārisī [W 529H]
9.	Tanpa judul	Shams al-Dīn Yūsuf Ibn Quzz Ughlī [W 654]

⁴ Al-Nawāwī, Y. (2000). *Al-Minhāj fi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj*. Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, 1/21.

⁵ al-‘Uthmānī, S. (2006). *Shabbīr Aḥmad al-‘Uthmānī. 2006. Fatḥ al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Qushayri. Kuwait: Dār al-Ḍiyā’*. Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, 1/268.

⁶ al-Harārī, M.-A.-A. (2009). *Muḥammad al-Amīn Ibn ‘Abd Allah al-Aramī al-Harārī. 2009. Al-Kawkab al-Wahhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. KSA: Dār al-Minhāj, 1/30.

⁷ Ḥājī Khalīfah, M. (1941). *Kashf al-Ḍunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funun*. Bayrut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1/555.

10.	Tanpa judul	Abū al-Faraj ‘Īsā Ibn Mas’ūd al-Zawāwī [W 744H]
11.	Tanpa judul	Zayn al-Dīn Zakarīyā Ibn Muḥammad al-Anṣārī [W 926H]
12.	<i>Al-Dībāj ‘Alā Ṣaḥīḥ Muslim</i>	Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī [W 911H]
13.	Tanpa judul	Ismā‘īl Ibn Muḥammad al-Aṣfahānī [W 535H]
14.	Tanpa judul	Taqī al-Dīn Abū Bakr Ibn Muḥammad al-Ḥiṣnī [W 829H]
15.	<i>Minhāj al-Ibtihāj bi Sharḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj</i>	Shihāb al-Dīn Aḥmad Ibn Muḥammad al-Qastallānī [W 923H]
16.	Tanpa judul	‘Alī al-Qārī al-Harawī [W 1016H]
17.	<i>Sharḥ Zawā‘id Muslim ‘alā al-Bukhārī</i>	Sirāj al-Dīn ‘Umar Ibn ‘Alī Ibn al-Mulaqqin [W 804H]
18.	Mukhtaṣar	Abū al-Faḍl Muḥammad Ibn ‘Abd Allah al-Muraysī [W 655H]
19.	Mukhtaṣar	Zakī al-Dīn ‘Abd al-‘Azīm Ibn ‘Abd al-Qawī al-Mundhirī [W 656H]
20.	<i>Sharḥ Mukhtaṣar al-Mundhirī</i>	‘Uthmān Ibn ‘Abd al-Malik al-Kurdī al-Miṣrī [W 738H]
21.	<i>Sharḥ Mukhtaṣar al-Mundhirī</i>	Muḥammad Ibn Aḥmad al-Asnawī [W 763H]
22.	Tanpa judul	Muḥammad Ibn ‘Abbād al-Khallāṭī al-Ḥanafī [W 652H]

Jadual 1: Senarai Shurūḥ Ṣaḥīḥ & Mukhtaṣar Muslim

Selain dari senarai di atas, terdapat beberapa lagi shurūḥ Muslim yang dihasilkan selepas zaman Ḥājī Khalīfah seperti berikut:

Bil	Judul Buku	Pengarang
1	<i>Mukammil Ikmāl al-Ikmāl</i>	Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Yūsuf al-Sunūsī [895 H]
2	<i>Mawsū‘at Faṭḥ al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī</i>	Shabbīr Aḥmad al-Uthmānī [1369 H]
3	<i>Faṭḥ al-Mun‘im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim</i>	Musā Shāhīn Lāshīn [1430 H]
4	<i>Al-Baḥr al-Muḥīṭ al-Thajjāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim Ibn al-Ḥajjāj</i>	Muḥammad Ibn ‘Alī al-Athyūbī [1436 H]
5	<i>Al-kawkab al-Wahhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj</i>	Muḥammad al-Amīn al-Hararī [1441 H]
6	<i>Takmilat Faṭḥ al-Mulhim</i>	Muḥammad Taqī al-Uthmānī
7	<i>Mannat al-Mun‘im fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim</i>	Ṣafī al-Raḥmān al-Mubārakfūrī.
8	<i>Tawfiq al-Rabb al-Mun‘im bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim</i>	‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd Allāh al-Rājīhī.

Jadual 2: Senarai Shurūḥ Ṣaḥīḥ & Mukhtaṣar Muslim selepas zaman Ḥājī Khalīfah

Sebahagian daripada rujukan dalam senarai di atas, ada yang bukan sekadar syarah hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* tetapi pengarangnya turut meringkas dan menyusun semula hadith-hadith dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* mengikut tema yang sesuai seperti *al-Mufhim* karya Abū al-‘Abbās al-Qurṭubī. Beliau juga telah menghasilkan ringkasan *Ṣaḥīḥ Muslim* tanpa huraian hadith dengan judul *Talkhīṣ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim*. Selain al-Qurṭubī, ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhirī juga turut meringkaskan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* dalam karya beliau yang berjudul *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*. al-Mundhirī juga membuat penjudulan bab hadith-hadith Muslim dan ia memberi banyak faedah kepada khalayak pengkaji hadith khususnya dalam mengenal pasti hadith-hadith Tafsir. Sebahagian kitab syarah *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah lanjutan atau pelengkap syarah sebelumnya. Hal ini boleh dilihat secara jelas melalui judul-judul berikut:

1. *Al-Mu'lim bi Fawā'id Kitāb Muslim* karya Muḥammad Ibn 'Alī al-Māziri [W 536H].
2. *Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim* karya 'Iyādh Ibn Mūsā al-Yaḥṣubī [W 544H].
3. *Ikmāl Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim* karya Muḥammad Ibn Khalīfah al-Ubbī [W 827H].
4. *Mukammil Ikmāl Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim* karya Abū 'Abd Allāh Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Yūsuf al-Sunūsī [895 H].
5. *Mawsū'at Faṭḥ al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī* karya Shabbīr Aḥmad al-Uthmānī [1369 H].
6. *Takmilat Faṭḥ al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim* karya Muḥammad Taqī al-Uthmānī.

Hal ini menunjukkan kesinambungan usaha sarjana Islam dan betapa sumbangan mereka saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Selain itu, ia juga menunjukkan daya kritis mereka dalam menilai pandangan.

Jumlah Hadith dalam *Kitab al-Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim*

Menurut Muḥammad Taqī al-'Uthmānī,⁸ terdapat hanya lapan belas (18) hadith sahaja dalam *kitab al-Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim*. Angka ini adalah tanpa mengambil kira jumlah sanad bagi sesebuah hadith. Berdasarkan penomboran Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī,⁹ jumlah hadith *Kitab Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim* tanpa mengambil kira jumlah sanad adalah sebanyak lapan belas hadith iaitu dari hadith bernombor 3015 hingga hadith bernombor: 3033. Jumlah hadith dengan mengambil kira sanad adalah sebanyak tiga puluh empat (34) hadith. Berdasarkan penomboran Musā Shāhīn Lāshīn,¹⁰ jumlah hadithnya adalah sebanyak tiga puluh enam (36) hadith iaitu dari hadith bernombor: 6535 hingga hadith bernombor: 6571. Menurut al-Harārī pula,¹¹ jumlah hadithnya adalah sebanyak empat puluh (40) hadith iaitu bermula dari nombor: 7338 hingga nombor: 7378. Perbezaan angka antara naskah adalah tidak begitu ketara dan ia adalah disebabkan sebahagian pengkaji tidak menghitung sebahagian sanad bagi sesebuah hadith sedangkan ia dihitung oleh pengkaji yang lain lalu menyebabkan penomboran mereka kelihatan berbeza.

Oleh sebab jumlah hadith dalam *kitab al-Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim* terlalu sedikit iaitu sebanyak lapan belas hadith tanpa mengambil kira jumlah sanad bagi sesebuah hadith, 'Abd al-'Azīz al-Dihliwī¹² telah menafikan *Ṣaḥīḥ Muslim* tergolong dalam kategori *al-Jāmi'* yang menurut beliau adalah sumber utama hadith yang merangkumi lapan tema utama: akidah, hukum, *raqīqah*, adab, tafsir, sirah, *al-fitan* dan *al-manāqib*. Menurut beliau, hadith-hadith bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah terlalu sedikit dan tidak memadai untuk mengkategorikannya sebagai *al-Jāmi'*.

Berbeza dengan 'Abd al-'Azīz al-Dihliwī, menurut Mahmūd al-Subkī¹³ [W 352H], *al-Jāmi'* ialah jenis sumber yang hadith-hadithnya disusun berdasarkan bab-bab fiqh seperti *al-Kutub al-Sittah*, tema umum yang disusun berdasarkan huruf *mu'jam* seperti *Jāmi' al-Usūl* atau dengan mengambil kira lafaz awal hadith yang disusun berdasarkan huruf *mu'jam* seperti *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Berdasarkan pandangan al-Subkī, sumber sekunder juga turut termasuk dalam kategori *al-Jāmi'* selain kitab-kitab *al-Sunan* dan *al-Majāmi'*.

⁸ al-'Uthmānī, M. (2006). *Takmilat Faṭḥ al-Mulhim. Kuwait. Dār al-Diyā'*. Kuwait: Dār al-Diyā', 6/418.

⁹ al-Naysāburi, M.-H. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim. Taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī*. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 4/2312-2323.

¹⁰ Lāshīn, M. (2002). *Faṭḥ al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Cairo: Dār al-Shurūq, 10/641-648.

¹¹ al-Harārī, M.-A.-A. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim. KSA: Dār al-Minhāj*. KSA: Dār al-Minhāj, 26/502-557.

¹² al-Qāsimī, 'A. (1964). *Al-'Ulālat al-Nāji'ah Tarjamat al-'Ujālat al-Nāfi'ah*. Pakistan: Maktabat Qur'an Munazzal, 43-47.

¹³ al-Subkī, M. (1934). *Al-Manhal al-'Adhb al-Mawrūd Sharḥ Sunan al-Imām Abī Dāwūd*. Cairo: Maṭba'at al-Istiḳāmah, 1/15.

Justeru, berdasarkan kenyataan al-Subkī tersebut, *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah dalam kategori *al-Jāmi'*. Selain al-Subkī, Ḥājī Khalīfah¹⁴ dan Mullā 'Alī al-Qārī¹⁵ juga mengkategorikan *Ṣaḥīḥ Muslim* sebagai *kitab al-Jāmi'*.

Menurut Muḥammad Taqī al-'Uthmānī,¹⁶ tidak menyenaraikan *Ṣaḥīḥ Muslim* sebagai *al-Jāmi'* semata-mata kerana hadith yang bertemakan tafsir dalamnya terlalu sedikit adalah pendapat yang *marjuḥ*. Walhal, Imam Muslim telah meletakkan kitab yang terakhir dalam *Ṣaḥīḥ*nya khusus untuk hadith-hadith bertemakan tafsir sahaja walaupun jumlahnya tidak melebihi dua puluh hadith. Selain itu, beliau juga ada meriwayatkan hadith-hadith yang bertemakan tafsir dalam selain *Kitab al-Tafsīr* dan ia turut diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ*nya. Menurut Abū Ṭāhir al-Arkānī,¹⁷ terdapat sebanyak enam puluh dua (62) hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dalam *kitab al-Tafsīr* dalam *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī turut diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Ṣaḥīḥ*nya tetapi bukan dalam *kitab al-Tafsīr*. Imam Muslim juga ada meriwayatkan hadith-hadith yang bertemakan tafsir yang tidak diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī. Hadith-hadith tersebut tidak diletakkan dalam *kitab tafsir* disebabkan kaitannya dengan tema tafsir tidak begitu ketara selain Imam Muslim mengambil pendirian tidak mengulang riwayat semula hadith yang telah diriwayatkan pada bahagian yang lain dalam *al-Ṣaḥīḥ*. Berdasarkan penjelasan ini, boleh disimpulkan hadith-hadith bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Hadith Tafsir dalam <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	Jumlah Hadith
1	Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam <i>Kitab al-Tafsīr</i>	18 hadith
2	Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam <i>Kitab Tafsīr</i> tetapi diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam selain <i>Kitab Tafsīr</i> (menurut al-Arkānī)	62 hadith
3	Hadith yang bertemakan tafsir yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam selain <i>Kitab Tafsīr</i> tetapi tidak diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dalam <i>al-Ṣaḥīḥ</i> .	Tiada jumlah khusus

Jadual 3: Kategori Hadith Tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*

Jadi, secara kasarnya jumlah hadith yang bertemakan tafsir al-Quran dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah melebihi lapan puluh (80) buah hadith. Jika dapat diketahui jumlah yang tepat bagi kategori yang ketiga, sudah pasti dapat ditentukan jumlah sebenar hadith yang bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Dalam hal ini, usaha yang dilakukan oleh sarjana hadith yang meneliti tema-tema hadith *Ṣaḥīḥ Muslim* mungkin boleh dimanfaatkan dalam penentuan jumlah hadith yang bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* seperti yang dilakukan oleh al-Ḥafīz al-Mundhirī dan al-Ḥafīz al-Qurṭubī. Kedua-dua tokoh ini telah menghasilkan ringkasan *Ṣaḥīḥ Muslim* dan membuat penjudulan bab bagi hadith-hadith dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* berdasarkan penelitian mereka sendiri terhadap tema hadith. Berdasarkan penomboran yang dibuat oleh al-Albānī¹⁸ ke atas hadith-hadith *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim* karya al-Mundhirī, jumlah hadith yang bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah sebanyak lima puluh enam (56) hadith iaitu bermula dari hadith dengan nombor siri: 2123 hingga hadith dengan nombor siri: 2179. Berdasarkan penomboran yang dibuat oleh Rif'at Fawzī¹⁹ ke atas hadith-hadith tafsir dalam *Talkhīṣ Ṣaḥīḥ Muslim* karya al-Qurṭubī pula, jumlah keseluruhan hadith tersebut adalah sebanyak lapan puluh satu (81) hadith. Berdasarkan penomboran Muḥy al-Dīn Dīb

¹⁴ Ḥājī Khalīfah, M. (1941). *Kashf al-Zunūn 'an Asāmī al-Kutub wa al-Funun*. Bayrut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī. 1/555

¹⁵ Mullā al-Qārī, A. (2002). *Mirqāt al-Mafātiḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*. Bayrut: Dār al-Fikr. 1/19

¹⁶ al-'Uthmānī, M. (2006). *Takmilat Faṭḥ al-Mulhim*. Kuwait. Dār al-Ḍiyā'. 6/419

¹⁷ *Ibid*

¹⁸ al-Mundhirī, A A. (1987). *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrut: al-Maktab al-Islāmī. 2/564-580

¹⁹ al-Qurṭubī, A. (1993). *Talkhīṣ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim*. Taḥqīq Rif'at Fawzī 'Abd al-Ghanī & Aḥmad Maḥmūd Ibrāhīm 'Uthmān al-Khawlī. Cairo: Dār al-Salām. 2/1313-1362

Mistū²⁰ ke atas hadith-hadith tafsir dalam *al-Mufhim* karya al-Qurṭubī pula, jumlah hadithnya adalah sebanyak lapan puluh tiga (83) hadith iaitu dari hadith yang bernombor siri: 2851 hingga hadith yang bernombor siri: 2934. Perbezaan antara jumlah hadith dalam *Talkhīṣ Kitāb Muslim* dan syarahnya iaitu *al-Mufhim* adalah disebabkan terdapat satu bab yang ditambah oleh al-Qurṭubī ketika menghuraikan hadith-hadith dalam *Talkhīṣ* iaitu bab *sūrat al-Anbiyā'* dan di bawahnya terdapat satu hadith yang tidak disebut dalam *Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Ketika membuat penomboran ke atas hadith-hadith dalam *Talkhīṣ Kitāb Muslim*, Rif'at Fawzī tidak meletak nombor siri bagi hadith pertama dalam *Kitab Tafsir* iaitu hadith tentang Surah al-Fātiḥah. Hasilnya, jumlah hadith mengikut penomboran beliau adalah kurang sebanyak dua angka berbanding penomboran Muḥy al-Dīn Mīstū.

Penelitian terhadap hadith-hadith yang bertemakan Tafsir dalam *Talkhīṣ Kitāb Muslim* dan syarahnya *al-Mufhim li Mā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim* karya al-Qurṭubī mendapati sebanyak lima puluh (50) hadith adalah yang disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim atau disebut *muttafaq 'alayh* dan sebanyak tiga puluh tiga (33) hadith lagi adalah *afrād Muslim* (iaitu yang diriwayatkan oleh Imam Muslim sahaja).

Bil	Judul Sumber	Pengarang	Jumlah Hadith Tafsir
1	<i>Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim</i>	al-Mundhirī	56
2	<i>Talkhīṣ Ṣaḥīḥ Muslim</i>	al-Qurṭubī	81
3	<i>Al-Mufhim li Mā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim</i>	al-Qurṭubī	83 (50 adalah <i>muttafaq 'alayh</i> + 33 adalah <i>afrād Muslim</i>)

Jadual 4: Jumlah hadith-hadith tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* menurut al-Mundhirī dan al-Qurṭubī

Menurut al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar,²¹ terdapat seratus satu (101) hadith sahaja diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī secara tidak berulang dalam *kitab al-Tafsir Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Sebanyak enam puluh enam hadith daripadanya tidak diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Ṣaḥīḥnya* disebabkan kaitannya dengan tema tafsir tidak begitu ketara selain kebanyakannya adalah tafsiran Ibn 'Abbas r.a. Hal ini bermakna hanya sebanyak tiga puluh lima (35) hadith sahaja dalam *kitab al-Tafsir Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang turut diriwayatkan oleh Imam Muslim atau disebut *muttafaq 'alayh*. Jumlah ini agak jauh bezanya dengan kenyataan atau dapatan Abū Ṭāhir al-Arkānī. Walau bagaimanapun, ia tidak menunjukkan perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan dapatan penulis berdasarkan penelitian terhadap *Talkhīṣ Kitāb Muslim* dan syarahnya *al-Mufhim* karya al-Qurṭubī.

Jelas, jumlah keseluruhan hadith-hadith yang bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* sama ada ia turut diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī atau hanya Imam Muslim sahaja yang meriwayatkannya, sama ada ia diriwayatkan dalam *Kitab al-Tafsir* atau dalam lain-lain kitab dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* tidak terlalu jauh dengan angka hasil gabungan kategori pertama dan kedua seperti sebelum ini.

Dengan jumlah tersebut, boleh dikatakan *Ṣaḥīḥ Muslim* mengandungi banyak hadith yang bertemakan tafsir al-Quran sebagaimana kitab-kitab dalam kategori *al-Jāmi'*. Malah, sebahagian sumber utama hadith dalam kategori tersebut selain *Ṣaḥīḥ Muslim* tidak mengandungi hadith-hadith yang bertemakan tafsir al-Quran dengan kuantiti yang besar juga seperti *Jāmi' Sufyān al-Thawrī*.

Subtema hadith-hadith dalam *Kitab al-Tafsir Ṣaḥīḥ Muslim*

Al-Nawawī²² tidak memberi judul bagi sejumlah hadith – iaitu sebanyak 23 hadith berdasarkan penomboran 'Abd al-Bāqī – yang terletak di awal *kitab al-Tafsir*. 22 daripada hadith-hadith tersebut mewakili surah-surah al-Quran seperti berikut:

²⁰ al-Qurṭubī, A. (1996). *Al-Mufhim li Mā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Taḥqīq Muḥy al-Dīn Dīb Mīstū, Aḥmad Muḥammad al-Sayyid, Yūsuf 'Alī Badawī & Maḥmūd Ibrāhīm Bazzāl. Bayrut: Dār Ibn Kathīr, 7/315-437

²¹ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. (1970). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Egypt: al-Maktabat al-Salafiyah, 8/743.

²² Al-Nawawī, Y. (2000). *Al-Minhāj fi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn l-Ḥajjāj*. Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, 18/152.

Bil	Nama Surah	Nombor Ayat	Kekerapan
1.	Al-Baqarah	58, 189	2
2.	Al-Nisā`	3, 6, 93, 94, 127, 128	12
3.	Al-Mā'idah	3	3
4.	Al-Furqān	68-70	3
5.	Al-Aḥzāb	10	1
6.	Al-Ḥashr	10	1
7.	Al-Naṣr	1-3	1

Jadual 5: Hadith-hadith tanpa judul bab dalam Sharah al-Nawāwī

Satu daripada hadith-hadith yang tidak dijudulkan oleh al-Nawāwī adalah berkaitan dengan kekerapan turun wahyu di hari-hari terakhir Rasulullah s.a.w dan ia tidak berkaitan dengan penurunan mana-mana ayat dalam al-Quran secara khusus. Justeru, al-Qurṭubī menerusi karyanya iaitu *al-Mufhim* (salah satu ringkasan, susunan semula dan sharah *Ṣaḥīḥ Muslim*) tidak meletaknya dalam *kitab al-Tafsīr* tetapi dalam *Kitāb al-Īmān*. Hal yang sama juga dilakukan oleh 'Abd al-'Aẓīm al-Mundhirī dalam *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*.

Salah satu daripada hadith dalam *kitab Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim* tidak dinyatakan secara jelas ayat yang berkaitan dengannya. Bahkan secara zahirnya ia adalah mengenai teguran Aisyah r.a terhadap sebahagian orang pada zaman beliau yang mengutuk para sahabat sedangkan mereka diperintah untuk mendoakan keampunan buat para sahabat (lihat hadith no: 3022 berdasarkan penomboran 'Abd al-Bāqī). Pada hakikatnya, teguran Aisyah r.a tersebut adalah berdasarkan ayat 10 daripada Surah *al-Ḥashr*. Justeru, Abū al-'Abbās al-Qurṭubī dan 'Abd al-'Aẓīm al-Mundhirī dan al-Harārī menjadikan ayat 10 Surah *al-Ḥashr* sebagai judul bab bagi hadith tersebut. Sementara al-Nawāwī dan lain-lain *Shurrāḥ*, walaupun tidak meletakkan sebarang judul bagi hadith tersebut, tetapi mereka telah mengaitkan teguran Aisyah r.a tersebut dengan ayat berkenaan dalam syarah mereka. Hal ini menunjukkan betapa *kutub al-Shurūḥ* amat berguna dalam memahami tema sesebuah hadith.

Hadith-hadith selain dua puluh tiga tersebut telah dibahagikan oleh al-Nawāwī kepada tujuh (7) bab seperti berikut:

1	باب في قوله تعالى: ﴿ألم يأن للذين آمنوا أن تخشع قلوبهم لذكر الله﴾
2	باب في قوله تعالى: ﴿خذوا زينتكم عند كل مسجد﴾
3	باب في قوله تعالى: ﴿ولا تكرهوا فتياتكم على البغاء﴾
4	باب في قوله تعالى: ﴿أولئك الذين يدعون يبتغون إلى رحمة الوسيلة﴾
5	باب في سورة براءة والأنفال والحشر
6	باب في نزول تحريم الخمر
7	باب في قوله تعالى: ﴿هذان خصمان اختصموا في رحمة﴾

Jadual 6: Judul bab hadith Tafsir dalam Sharah al-Nawāwī

Pembahagian ini juga didapati dalam syarah al-Qāḍī 'Iyāḍ.²³ Berkemungkinan besar, Imam al-Nawāwī telah meneliti syarah tersebut dan mengekalkan judul-judul yang dibuat oleh al-Qāḍī 'Iyāḍ sebagaimana asal.

²³ al-Yaḥṣubī, I. (1998). *Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*. Egypt: Dār al-Wafā'li al-Ṭibā'ah wa al-Naṣr wa al-Tawzī', 8/588-594

Hal yang sama dilakukan oleh al-Athyūbī²⁴ dalam syarahnya melainkan beliau telah meletakkan 23 hadith yang tidak beri judul oleh al-Nawāwī di bawa satu bab yang baru iaitu:

بَابٌ فِي تَفْسِيرِ آيَاتٍ مُتَفَرِّقَةٍ

Berbeza pula dengan Musā Shāhīn²⁵ yang hanya meletak satu tema sahaja bagi kesemua hadith dalam kitab *al-Tafsīr* iaitu *Bāb Kitāb al-Tafsīr*. Jelas, menurut beliau kesemua hadith dalam *kitab Tafsīr* tidak memiliki tema lain yang signifikan selain tafsir.

Sementara al-Harārī²⁶ telah membahagikan hadith-hadith dalam *kitab al-Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim* kepada sembilan belas (19) tema atau bab seperti berikut:

1	باب في تفسير قوله تعالى: ﴿وَادْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا﴾
2	باب تتابع الوحي قرب وفاته صلى الله عليه وسلم
3	باب بيان تفسير قوله تعالى: ﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ﴾
4	باب تفسير قوله تعالى: ﴿وَإِنْ جُنْتُمْ إِلَّا تَنْسُطُوا فِي الْبِتَامَى﴾ الآية
5	باب قوله تعالى: ﴿وَمَنْ كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ﴾
6	باب قوله تعالى: ﴿إِذْ جَاءَكُمْ مِنْ فَوْقِكُمْ وَمِنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ﴾
7	باب قوله تعالى: ﴿وَإِنَّ امْرَأَةً حَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُورًا أَوْ إِعْرَاضًا﴾
8	باب قوله تعالى: ﴿وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ﴾
9	باب قوله تعالى: ﴿وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ﴾
10	باب في قوله تعالى: ﴿إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ وَرَأَيْتَ النَّاسَ﴾ الخ
11	باب قوله تعالى: ﴿وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ أَلْقَى إِلَيْكُمُ السَّلَامَ لَسْتَ مُؤْمِنًا﴾
12	باب في قوله تعالى: ﴿وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا﴾ الآية
13	باب في قوله تعالى: ﴿أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ آمَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ﴾
14	باب قوله تعالى: ﴿خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ﴾
15	باب في قوله تعالى: ﴿وَلَا تُكْرِهُوا فَتِيَاتِكُمْ عَلَى الْبِغَاءِ﴾
16	باب في قوله تعالى: ﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ يَدْعُونَ يَبْتَغُونَ إِلَى رَبِّهِمُ الْوَسِيلَةَ﴾ الآية
17	باب في بيان سبب نزول سورة براءة والأنفال والحشر، وبيان تسميتها بهذه الأسماء
18	باب في نزول تحريم الخمر
19	باب نزول قوله تعالى: ﴿هَذَا نِ حَصْمَانِ احْتَصَمُوا فِي رَبِّهِمْ﴾ الآية

Jadual 7: Tema hadith tafsir dalam Syarah al-Harārī

Dua belas judul pertama dan ungkapan yang bertulisan hijau dalam senarai judul al-Harārī di atas adalah tambahan beliau ke atas judul al-Nawawī. Baki tujuh judul daripada

²⁴ al-Athyūbī, M. (2014). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ al-Thajjāj fi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim Ibn al-Ḥajjāj*. KSA: Dār Ibn al-Jawzī. KSA: Dār Ibn al-Jawzī, 45/364-459.

²⁵ Lāshīn, M. (2002). *Faṭḥ al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Cairo: Dār al-Shurūq. 10/641

²⁶ al-Harārī, M.-A.-A. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. KSA: Dār al-Minhāj. KSA: Dār al-Minhāj, 26/501-556

senarai judul al-Harārī adalah judul daripada al-Nawawī. Dua puluh tiga hadith yang tidak diberi tema khusus oleh al-Nawawī telah diberi tema baru oleh al-Harārī sebanyak 12 tema sebagaimana dalam senarai judul yang lalu.

Berbeza dengan lain-lain *shurrāh*, al-Mundhirī²⁷ dan al-Qurṭubī²⁸ pula dilihat tidak hanya berpada dengan hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *kitab al-Tafsīr*. Lebih dari itu, kedua-dua mereka turut meneliti hadith-hadith lain yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam selain *kitab al-Tafsīr* lalu mengumpulkannya dalam *kitab al-Tafsīr* atau menyebut tempat asalnya (*ihālah*) dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Oleh itu, jumlah bab yang terdapat dalam ringkasan *Ṣaḥīḥ Muslim* karya al-Mundhirī adalah sebanyak 54 bab. Kesemua bab tersebut merangkumi tiga puluh tujuh (37) surah daripada keseluruhan surah-surah dalam al-Quran. Jumlah bab dalam *al-Mufhim* karya al-Qurṭubī pula adalah sebanyak 39 bab dan ia merangkumi jumlah yang sama daripada keseluruhan surah-surah dalam al-Quran. Jumlah bab dalam *Talkhīṣ Kitāb Muslim* oleh al-Qurṭubī juga adalah sebanyak 38 bab yang merangkumi jumlah yang sama juga daripada keseluruhan surah-surah dalam al-Quran. Berdasarkan fakta-fakta tersebut, hadith-hadith yang bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* berkaitan secara langsung dengan tiga puluh sembilan (39) buah surah dalam al-Quran daripada jumlah keseluruhan surah-surah iaitu seratus empat belas (114). Ia menyamai empat puluh tujuh peratus (47%) daripada keseluruhan surah-surah dalam al-Quran.

KESIMPULAN

Sebagaimana kitab *al-Jāmi'* yang lain, *Ṣaḥīḥ Muslim* juga sarat dengan hadith-hadith bertemakan tafsir. Ia sekaligus membuktikan keperihatinan Imam Muslim terhadap hadith-hadith tafsir. Hadith-hadith yang bertema tafsir Surah-surah al-Quran dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* merangkumi 47% daripada surah-surah yang terdapat dalam al-Quran. Imam Muslim sememangnya tidak meletakkan judul khusus bagi setiap hadith. Walaupun terdapat kitab yang khusus berkenaan hadith-hadith yang bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, tetapi lebih daripada separuh hadith-hadith yang membawa tema yang sama tidak diletakkan oleh Imam Muslim dalam kitab tersebut. Sebaliknya, beliau telah meletakkan hadith-hadith tersebut dalam kitab-kitab yang lain dalam al-*Ṣaḥīḥ*. Oleh itu, usaha meneliti hadith-hadith bertemakan tafsir dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* tidak memadai dengan hanya meneliti hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Tafsīr Ṣaḥīḥ Muslim* sahaja yang hanya menghimpunkan sebanyak 18 hadith tidak termasuk jumlah sanad atau antara 34-40 hadith jika dikira sekali dengan jumlah sanad. Bahkan, penelitian juga perlu dilakukan ke atas 53 kitab yang lain yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Sumbangan *shurrāh* dan *Mulakhkḥsūn* (perumus) *Ṣaḥīḥ Muslim* seperti al-Mundhirī dan al-Qurṭubī sangat membantu dalam mengesan hadith-hadith bertemakan Tafsir al-Quran dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Ia juga membantu dalam penjudulan bab bagi hadith-hadith tafsir yang tidak diletak dalam bab-bab tertentu dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* secara umum dan *kitab al-Tafsīr* secara khusus.

RUJUKAN

Buku

- al-'Uthmānī, M. (2006). *Takmilat Faṭḥ al-Mulhim*. Kuwait. Dār al-Ḍiyā'. Kuwait: Dār al-Ḍiyā'.
- al-'Uthmānī, S. (2006). *Faṭḥ al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī*. Kuwait: Dār al-Ḍiyā'.
- al-Athyūbī, M. (2014). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ al-Thajjāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim Ibn al-Ḥajjāj*. KSA: Dār Ibn al-Jawzī.
- al-Harārī, M.-A.-A. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. KSA: Dār al-Minhāj.

²⁷ al-Mundhirī, A A. (1987). *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrut: al-Maktab al-Islāmī, 2/564-581.

²⁸ al-Qurṭubī, A. (1996). *Al-Mufhim li Mā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Taḥqīq Muḥy al-Dīn Dīb Mīstū, Aḥmad Muḥammad al-Sayyid, Yūsuf 'Alī Badawī & Maḥmūd Ibrāhīm Bazzāl. Bayrut: Dār Ibn Kathīr, 7/314-437; al-Qurṭubī, A. (1993). *Talkhīṣ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim*. Taḥqīq Rif'at Fawzī 'Abd al-Ghanī & Aḥmad Maḥmūd Ibrāhīm 'Uthmān al-Khawli. Cairo: Dār al-Salām, 2/1313-1362.

- al-Mundhirī, ‘.-’-Q. (1987). *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrut: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Nawāwī, Y. (2000). *Al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn l-Ḥajjāj*. Amman: Bayt al-Afkār al-Dawliyah.
- al-Naysābūrī, M.-H. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Bayrūt: Dār lhyā` al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Qāsimī, ‘.-A. (1964). *Al-‘Ulālat al-Nāji‘ah Tarjamat al-‘Ujālat al-Nāfi‘ah*. Pakistan: Maktabat Qur`ān Munazzal.
- al-Qurṭubī, A. (1993). *Talkhīṣ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim*. Taḥqīq Rif‘at Fawzī ‘Abd al-Ghanī & Aḥmad Maḥmūd Ibrāhīm ‘Uthmān al-Khawli. Cairo: Dār al-Salām.
- al-Qurṭubī, A. (1996). *Al-Mufhim li Mā Ashkala min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Taḥqīq Muḥy al-Dīn, D. M., Ahmad Muḥammad, S., Yūsuf, ‘A. B. & Maḥmūd, I. B. Bayrut: Dār Ibn Kathīr.
- al-Subkī. (1934). *Al-Manhal al-‘Adhb al-Mawrūd Sharḥ Sunan al-Imām Abī Dāwūd*. Cairo: Maṭba‘at al-Istiḳāmah.
- al-Yaḥṣubī. (1998). *Ikmāl al-Mu‘lim bi Fawā‘id Muslim*. Misr: Dār al-Wafā`li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’.
- Ḥājī Khalīfah, M. (1941). *Kashf al-Ḍunūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funun*. Bayrut: Dār lhyā` al-Turāth al-‘Arabī.
- Ibn al-Ṣalāh, ‘.-R. (1987). *Ṣiyānat Ṣaḥīḥ Muslim min al-Ikhlāl wa al-Ghalaṭ wa Ḥimāyatuhū min al-Isqāṭ wa al-Saqṭ*. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, A. (1970). *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Egypt: al-Maktabat al-Salafiyah.
- Lāshīn, M. (2002). *Faṭḥ al-Mun‘im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Cairo: Dār al-Shurūq.
- Mullā al-Qārī, ‘. (2002). *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābiḥ*. Bayrut: Dār al-Fikr.
- Ṭawālibah, M.-R. (2000). *Al-Imām Muslim wa Manhajuhū fī Ṣaḥīḥih*. Ammān: Dār ‘Ammār. Ammān: Dār ‘Ammār.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.